

TANGGUNGJAWAB ANAK BERBAKTI UNTUK IBU BAPA

Oleh: Nurul Alia Huda binti Roslan, 171192,
Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia
Disiarkan pada 12 April 2020

Firman Allah SWT:

وَقَضَىٰ رَبُّكَ أَلَّا تَعْبُدُوا إِلَّا إِيَّاهُ وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا ۖ إِمَّا يَبُلُغَنَّ عِنْدَكَ الْكِبَرَ أَحَدُهُمَا أَوْ كِلَاهُمَا فَلَا تَقُلْ لَهُمَا آفٌ وَلَا تُنْهَرُهُمَا وَقُلْ لَهُمَا قَوْلًا كَرِيمًا (al-Isra':23)

Maksudnya: "Dan Tuhanmu telah perintahkan, supaya engkau tidak menyembah melainkan kepadaNya semata-mata, dan hendaklah engkau berbuat baik kepada ibu bapa. Jika salah seorang dari keduanya, atau kedua-duanya sekali, sampai kepada umur tua dalam jagaan dan peliharaanmu, maka janganlah engkau berkata kepada mereka (sebarang perkataan kasar) sekalipun perkataan "Ha", dan janganlah engkau menengking menyergah mereka, tetapi katakanlah kepada mereka perkataan yang mulia (yang bersopan santun)."

Kasih sayang ibu bapa merupakan salah satu nikmat yang dikurniakan oleh Allah SWT kepada sesebuah keluarga. Kedua-duanya merupakan insan-insan yang paling rapat dan sewajarnya dihormati oleh anak-anak.

Seperti firman Allah SWT: وَقَضَىٰ رَبُّكَ أَلَّا تَعْبُدُوا إِلَّا إِيَّاهُ وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا

Maksudnya: "Dan Tuhanmu telah mewajibkan supaya tidak menyembah selain daripadaNya dan berlaku baik kepada ibu bapa." (Surah al-Isra', ayat 23)

Betapa besarnya kedudukan ibu bapa selepas Allah SWT kerana tanpa mereka dan keizinanNya, tiadalah kita di muka bumi ini. Oleh itu, kita sebagai anak seharusnya menjalankan tanggungjawab kita dengan sentiasa berbuat baik kepada ibu bapa.

Tanggungjawab anak terhadap ibu bapa tidak pernah hilang dan terpadam walaupun mereka sudah tiada. Anak yang baik akan sentiasa mendoakan untuk ibu bapa mereka sama ada mereka masih hidup atau sudah meninggal dunia.

Selain berdoa, anak-anak juga boleh membantu ibu bapa dari segi kewangan, barangan keperluan harian dan menyumbang tenaga.

Usahlah kita berkira dengan ibu bapa kerana sebanyak mana pun wang dan tenaga yang dicurahkan, ia tidak dapat membalas jasa mereka membesarkan kita.

Apabila ibu bapa semakin tua dan uzur, anak-anak bertanggungjawab menjaga kebajikan mereka. Bersabarlah dengan kerenah ibu bapa yang berusia lanjut kerana semasa kita kecil dahulu, mereka sentiasa bersabar dengan ragam kita.

Seruan menjaga kebajikan ibu bapa itu adalah bertepatan dengan sabda Nabi Muhammad SAW dalam hadis berikut: إِذَا أَعْطَى اللَّهُ أَحَدَكُمْ خَيْرًا فَلْيَبْدَأْ بِنَفْسِهِ وَأَهْلِ بَيْتِهِ

Maksudnya: *“Apabila Allah SWT memberikan seseorang kebaikan (kelebihan dari sudut harta) maka mulakanlah dengan dirinya dan juga ahli keluarganya.” [Riwayat Muslim (1822)]*

Kita juga wajib memenuhi amanah yang diberikan oleh Allah SWT untuk menjaga ibu bapa dengan baik, menjadi anak yang soleh dan solehah serta mendengar kata dan nasihat mereka. Apabila seorang anak mentaati ibubapanya bermakna dia juga telah mentaati perintah Allah SWT.

Seperti sabda Rasulullah SAW: *“Reda Allah bergantung pada reda kedua-dua ibu bapa dan murka Allah SWT bergantung pada murka kedua-dua ibu bapa. Syafaat Rasulullah SAW bergantung pada reda Allah SWT. Kemuliaan Allah SWT bergantung pada bagaimana anak itu memuliakan kedua-dua ibu bapanya.”*

Sememangnya ibu bapa merupakan anugerah yang indah dan paling istimewa untuk setiap keluarga. Justeru, sudah menjadi kewajipan setiap anak untuk menjaga dan berbakti terhadap kedua ibu bapa mereka.

Sesungguhnya, Allah SWT telah berfirman bahawa pembalasan untuk dosa orang yang menderhakai kedua ibubapa akan dipercepatkan semasa mereka di dunia lagi. Maka, hargailah dan berbaktilah selagi mereka masih bernyawa dan jangan lupa berdoa untuk mereka.

